



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL MASYARAKAT (CSR) SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH 2015 BERSAMA PESAKIT- PESAKIT KANSER DI IKN

PUTRAJAYA, 13 Februari 2015 – YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki, isteri YB Menteri Wilayah Persekutuan, bersama-sama warga Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) menyertai Program Tanggungjawab Sosial Masyarakat (CSR) Sempena Sambutan Hari Wilayah 2015 Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya.

2. Program CSR peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diadakan selama tiga (3) hari bermula pada 12 Februari, 16 Februari dan 17 Februari 2015 yang melibatkan 11 kawasan parlimen. Manakala program CSR peringkat Wilayah Persekutuan Labuan akan diadakan pada 28 Februari 2015.

3. Di atas inisiatif YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki sendiri, pelaksanaan program CSR pada tahun ini adalah berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini. Program CSR Peringkat Putrajaya kali ini berkonsepkan turun padang kepada kumpulan sasar yang telah dikenal pasti iaitu pesakit kanser di Institut Kanser Negara dan juga pesakit kanser di bawah jagaan keluarga di rumah persendirian. Pelaksanaan program CSR seperti ini menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan khususnya warga KWP dan PPj terhadap golongan yang memerlukan serta meningkatkan keyakinan mereka untuk meneruskan kehidupan pada masa hadapan, seterusnya menyumbang kepada keharmonian negara untuk jangka masa panjang.

4. Bagi pengagihan sumbangan kepada kumpulan sasar ini, pemilihan kawasan dan kumpulan sasar dibuat secara bersama dengan PPj untuk memastikan penerima sumbangan adalah golongan yang benar-benar memerlukan sumbangan. Program CSR Sempena SHWP 2015 di Putrajaya pada kali ini telah memilih Institut Kanser Negara yang mempunyai 100 orang pesakit kanser di wad dan 25 orang pesakit yang datang secara harian dalam mendapatkan rawatan. Setiap penerima sumbangan akan menerima barang keperluan rawatan serta bantuan kewangan yang akan disampaikan oleh YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki, Isteri kepada YB Menteri Wilayah Persekutuan.
5. Di samping itu, YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiayki juga akan membuat lawatan ke 3 buah rumah pesakit kanser di Putrajaya untuk menyampaikan bantuan berupa tilam, kerusi roda dan sumbangan wang tunai di Presint 5, 9 dan 11. Pesakit-pesakit ini dikenal pasti sebagai golongan yang tidak berkemampuan dari segi kewangan dan masih mendapatkan rawatan yang berterusan daripada Institut Kanser Negara yang terdapat di Putrajaya.
6. Diharapkan menerusi penganjuran aktiviti kemasyarakatan dan program-program CSR sempena SHWP 2015 ini akan memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada golongan yang memerlukan di Wilayah Persekutuan dapat bersama-sama merasai kehidupan yang sempurna dan ceria setiap masa selaras dengan hasrat kerajaan dan juga tema SHWP 2015 iaitu Wilayahku Ceria dalam melahirkan masyarakat Wilayah Persekutuan yang sentiasa cergas, ceria dan bersemangat.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan

13 Februari 2015

PUTRAJAYA

Lampiran A

**ATUR CARA PROGRAM CSR SEMPENA SHWP 2015
WIALAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

13 FEBRUARI 2015 (JUMAAT)

MASA	TEMPAT	SUMBANGAN
10.00 pagi hingga 12.00 tghri	Institut Kanser Negara Ke rumah pesakit <ul style="list-style-type: none">• Puan Naraswati binti Arshad Blok A-T08-U04 Jalan P5A/5 Fasa 5R4 Presint 5• Cik Nor Zamzila bt Abd Majid AT 10-405, Tingkat 10 Jalan P11/81 Presint 11• Puan Rokiah binti Mat Don Blok 2D-709-406 Fasa 2, Jalan PG Presint 9	<ul style="list-style-type: none">• Stoma Bag• Pampers TENA <p>Pesakit di Wad (100 orang)</p> <ul style="list-style-type: none">• Sumbangan Wang Tunai <p>Pesakit Harian (25 orang)</p> <ul style="list-style-type: none">• Sumbangan Wang Tunai <p>Puan Naraswati binti Arshad</p> <ul style="list-style-type: none">• Ripple Matress + Pampers• Sumbangan Wang Tunai <p>Cik Nor Zamzila bt Abd Majid</p> <ul style="list-style-type: none">• Wheelchair• Sumbangan Wang Tunai <p>Puan Rokiah binti Mat Don</p> <ul style="list-style-type: none">• Sumbangan Wang Tunai